

MADAM KA BANUA URANG: MIGRASI DAN PERUBAHAN SOSIAL DALAM KALANGAN ORANG BANJAR DI MALAYSIA

Dr. Mohamed Salleh Lamry

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Orang Banjar dari Kalimantan Selatan (Kalsel) telah keluar merantau atau madam secara beramai-ramai ke Malaysia (Malaya atau Tanah Melayu waktu itu) pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sebahagian besar daripada mereka merupakan “perantau hilang” iaitu perantau yang terus menetap di perantauan dan tidak pulang lagi ke Kalsel. Di Malaysia mereka membuka “kampung Banjar” dan meneruskan cara hidup Banjar sebagaimana di Kalsel. Walau bagaimanapun, selepas berlalunya waktu lebih 100 tahun, kini dapat diperhatikan telah berlaku pelbagai perubahan dalam cara hidup keturunan mereka di perantauan. Mereka telah berubah menjadi Banjar Baru, walaupun perubahan itu belumlah menyeluruh. Di Malaysia perubahan sosial ini berlaku terutamanya sebagai kesan dari dasar dan rancangan pembangunan kerajaan, di samping ada juga kerana pengaruh persekitaran, termasuk pengaruh globalisasi. Oleh itu, makalah ini ingin menghuraikan tiga perkara : a) Sejarah migrasi orang Banjar ke Malaysia , b) Pelestarian cara hidup Banjar dalam kalangan orang Banjar generasi awal, dan c) Perubahan sosial dalam kalangan orang Banjar di Malaysia masa kini. Makalah ini terutamanya ditulis berdasarkan kajian perpustakaan dan pemerhatian di beberapa buah kampung Banjar di Malaysia, khususnya di daerah Sabak Bernam, Selangor dan di beberapa taman perumahan di kota Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Orang Banjar yang berasal dari Kalimantan Selatan (Kalsel) dipercayai telah berada di Malaysia (khususnya di Semenanjung Malaysia atau Tanah Melayu) sejak akhir abad ke-19. Kini keturunan mereka, bersama dengan keturunan suku lain dari Indonesia, seperti Jawa, Minangkabau, Mandailing, Rawa, Bugis, Boyan (Bawean) dan lain-lain, dan keturunan pendatang dari China dan India, merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia yang berjumlah kira-kira 26 juta orang.

Orang Banjar yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia (seterusnya disebut Malaysia saja) bertumpu ke tiga negeri bahagian: Perak, Selangor dan Johor. Sebahagian daripada mereka ada yang pernah tinggal di tempat lain, seperti Kuala Tungkal (Jambi), Tembilahan (Riau) atau Deli (Sumut) terlebih dahulu sebelum berpindah ke Malaysia, tetapi lebih banyak lagi yang terus datang ke Malaysia.

Sebagaimana orang Banjar yang berhijrah ke tempat lain, kebanyakan orang Banjar yang berhijrah ke Malaysia adalah “perantau hilang”, iaitu perantau yang terus menetap di Malaysia dan tidak pulang lagi ke Kalsel. Mereka diterima oleh kerajaan penjajah Inggeris pada masa itu sebagai sebahagian daripada bangsa Melayu atau bumiputera Malaysia. Dengan itu, anak cucu mereka kini secara automatik menjadi rakyat atau warganegara Malaysia.

Orang Banjar generasi awal, yang tinggal di perkampungan mereka sendiri (kampung Banjar) hidup sebagai petani sara diri (subsistence farmer), tentu saja membawa dan mengekalkan cara hidup atau budaya Banjar apabila mereka menetap di Malaysia. Akan tetapi, dengan berlalunya waktu lebih seratus tahun, tidak dapat dinafikan telah terdapat pelbagai perubahan yang agak ketara dalam kehidupan orang-orang keturunan Banjar masa kini. Walaupun perubahan itu belum menyeluruh, kita mungkin boleh mengatakan mereka telah mengalami perubahan identiti dan telah berubah daripada Banjar Lama menjadi Banjar Baru.

Oleh yang demikian, dalam makalah ini saya akan membincangkan tiga perkara: a) Sejarah migrasi orang Banjar ke Malaysia, b) Pelestarian budaya Banjar atau cara hidup Banjar dalam kalangan orang Banjar generasi awal, dan c) Perubahan sosial dan identiti dalam kalangan orang Banjar masa kini.

Mengenai ketiga-tiga perkara di atas sebenarnya belum ada kajian yang komprehensif dan terperinci. Oleh itu mengenai perkara pertama, saya terpaksa bergantung kepada bahan bacaan yang boleh diperolehi, yang kebetulan tidaklah begitu banyak. Mengenai perkara kedua dan ketiga pula, saya banyak bergantung kepada pengamatan saya sendiri secara umum, pengalaman hidup sebagai seorang anak Banjar, dan pengamatan terbatas di beberapa buah kampung di daerah Sabak Bernam, Selangor dan kota Kuala Lumpur di Malaysia.

MIGRASI KE TANAH MELAYU

Migrasi sebelum 1874

Sebelum tahun 1874 ada satu peristiwa penting yang berlaku di Kalsel, iaitu kerajaan Banjar telah dihapuskan oleh Belanda pada tahun 1860. Tahun 1874 pula ialah tahun permulaan Inggeris campur tangan dalam pemerintahan Tanah Melayu (Mohamed Salleh Lamry 2005).

Mengikut Zulfa Jamalie (2010) pada tahun 1861 berlaku perlawanan terhadap Belanda di bawah pimpinan Penghulu Abdul Rashid di Kalua, Tabalong, Amuntai dan sekitarnya yang lingkup gerakannya meliputi Banua Lima. Setelah Penghulu Abdul Rashid terbunuh, pengikut beliau terus dikejar oleh Belanda. Dengan itu, pengikut beliau terpaksa melarikan diri secara beramai-ramai terutamanya ke Tungkal dan Inderagiri, dan kemudiannya ke Tanah Melayu. Jumlah orang Banjar yang berhijrah ke Tanah Melayu sebelum tahun 1874 ini tidak dapat dipastikan, tetapi dipercayai tidaklah begitu banyak. Antara tempat tumpuan mereka ialah negeri Johor yang dekat dengan pulau Sumatera. Di situ mereka membuka hutan dan menubuhkan kampung mereka sendiri atau kampung Banjar.

Migrasi Selepas Tahun 1874

Selepas tahun 1874, iaitu pada akhir abad ke-19 dan lebih jelas lagi pada awal ke-20 migrasi secara beramai-ramai telah berlaku dari Kalsel ke Malaysia. Hal ini terbukti kerana pada tahun 1911 sudah ada 21, 227 orang Banjar di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1921, jumlah mereka meningkat hampir 80 persen menjadi 37,848 orang. Pada tahun 1931 jumlah mereka meningkat lagi menjadi 45,351 orang dan terus melonjak menjadi 62,356 orang pada tahun 1947 (Tunku Shamsul Bahrin 1964: 151).

Faktor migrasi

Migrasi orang Banjar selepas tahun 1874 ini biasanya dikaitkan dengan dua faktor utama, iaitu faktor penolak di Kalsel dan faktor penarik di Tanah Melayu.

Mengikut Tajuddinnoor Ghanie (2004) pada tahun 1905 Sultan Muhammad Seman raja Banjar ketika itu mati shahid di tangan pasukan tentera Belanda. Orang Banjar terpaksa melarikan diri, kerana tidak mahu hidup di bawah pemerintahan Belanda. Mereka berhijrah lagi secara besar-besaran ke pulau Sumatera, kemudian sebahagiannya berhijrah ke Malaysia. Ini merupakan satu faktor penolak di Kalsel.

Seterusnya setelah kerajaan Banjar dikuasai oleh Belanda, satu faktor penting yang mendorong orang-orang Banjar meninggalkan tanah air mereka ialah tekanan dan penindasan oleh penjajah Belanda. Sebagaimana yang dirumuskan oleh Tunku Shamsul Baharin (1964), pelbagai cukai yang membebankan, yang dikenakan oleh pemerintah Belanda, seperti cukai kerja (labour tax), cukai tanah, cukai poll dan cukai peribadi (cukai ke atas rumah, perabot dan lain-lain), telah menolak orang Banjar supaya meninggalkan tanah air mereka. Dengan itu, mereka berhijrah ke Sumatera kemudian ke Tanah Melayu, atau berhijrah terus ke Tanah Melayu. Ini satu lagi faktor penolak di Kalsel.

Pada masa yang sama, ada pula satu faktor penarik di Tanah Melayu, iaitu faktor ekonomi. Setelah Inggeris campur tangan dalam pemerintahan Tanah Melayu, terdapat pelbagai peluang ekonomi yang boleh menarik orang-orang dari Indonesia, termasuk orang Banjar datang ke Tanah Melayu. Pada peringkat awalnya, di Tanah Melayu ada peluang pekerjaan, seperti membuat parit, di estet-estet orang Inggeris. Orang Banjar dikatakan disukai kerana mereka cekap membuat kerja tersebut. Selepas itu, Inggeris membukakan peluang ekonomi kepada orang-orang yang datang dari Indonesia dengan memperkenalkan tanaman wang (terutamanya getah), memberi kemudahan untuk mendapat tanah dan melayan orang Indonesia sebagai Bumiputera atau orang Melayu.

Tunku Shamsul Baharin (1964: 47-49) menegaskan faktor ekonomi sebagai faktor yang penting ini dengan menyatakan bahawa peluang ekonomi yang terdapat di Tanah Melayu, khasnya peluang memiliki tanah yang disediakan dengan pengairan oleh kerajaan penjajah Inggeris adalah satu faktor yang menarik orang Indonesia, termasuk orang Banjar datang ke Tanah Melayu

Oleh itu, mulai awal abad ke-20 banyak orang Banjar yang terus berhijrah ke Tanah Melayu. Hal ini ditegaskan oleh Hasan Basri (1988:47) yang menyatakan bahawa Tanah Melayu

adalah tumpuan utama penghijrahan orang Banjar pada masa itu, di samping Tungkal dan Inderagiri.

Orang Banjar yang bermigrasi ke Tanah Melayu selepas tahun 1874 ini tidak tersebar secara merata di semua negeri bahagian. Mereka lebih tertumpu kepada tiga buah negeri, iaitu Perak, Selangor dan Johor. Oleh itu, pada tahun 1911, sebanyak 81 peratus orang Banjar berada di Perak, 13.5 peratus di Selangor dan 3.7 peratus di Johor. Pada tahun 1947 pula 54.8 peratus orang Banjar berada di Perak, 23.0 peratus di Selangor dan 19.3 peratus di Johor (Tunku Shamsul Bahrin, 1964: 152).

Pada peringkat negeri bahagian itu pula, mereka terutamanya bertumpu di kawasan pantai. Misalnya di Perak mereka bertumpu di Bagan Datoh (kawasan kelapa) dan Bagan Serai dan Sungai Manik (kawasan padi). Di Johor mereka bertumpu di Batu Pahat dan Muar yang merupakan kawasan kelapa atau getah. Di Selangor pula, mereka bertumpu di Kuala Langat dan Kuala Selangor (kawasan getah) dan Sabak Bernam dan Tanjung Karang (kawasan padi). Keadaan demikian masih kekal hingga kini, kecuali di Perak orang Banjar di Bagan Datoh sudah banyak berpindah ke kawasan padi, dan di Johor pula tanaman kelapa dan getah sudah banyak diganti dengan kelapa sawit.

Tempat asal migran

Satu perkara yang patut diberi perhatian apabila kita membincangkan migrasi orang Banjar ke Tanah Melayu ialah tempat asal mereka di Kalsel. Walaupun migran Banjar datang dari pelbagai tempat, tetapi dengan melihat orang-orang Banjar yang berada di Malaysia masa kini jelas sekali bahawa majoritinya adalah dari kawasan yang kini dikenali sebagai Hulu Sungai. Dengan perkataan lain, mereka datang dari kawasan kampung di sekitar pekan Kandangan, Negara, Barabai, Amuntai, Kalua dan Tanjung yang kini terletak dalam kabupaten Hulu Sungai Utara, Tengah dan Selatan.

Oleh yang demikian, pada peringkat awal kedatangan mereka dahulu, orang Banjar di Tanah Melayu sering memperkenalkan diri mereka berasaskan tempat asal mereka datang. Misalnya di Kerian Perak, majoriti orang Banjar di situ ialah orang Kalua. Akan tetapi, ada juga puak lain, seperti orang Amuntai, Barabai, Alai, Negara, Kandangan, Rantau dan Martapura yang tinggal bersama-sama di kawasan tersebut, walaupun tidak begitu ramai. Di Bagan Serai, Perak terdapat puak Tanjung, Barabai dan Kandangan. Di kawasan Sabak Bernam, Selangor, selain daripada puak Kalua, terdapat juga puak Alai, Negara, Amuntai dan Kandangan. Di Johor pula majoritinya adalah daripada puak Kalua.

Pada masa ini perbezaan mengikut puak ini sudah kurang ditekankan oleh orang Banjar di Malaysia. Bagaimanapun, dari segi loghat dan pertuturan masih terdapat perbezaan yang agak ketara antara puak Kalua, dengan puak Alai, Barabai dan Kandangan apabila mereka bercakap Banjar.

Pola dan proses migrasi

Berdasarkan huraian di atas, sekurang-kurangnya ada dua pola yang umum bagaimana proses migrasi orang-orang Banjar ke Tanah Melayu. Pertama, mereka berhijrah ke pulau Sumatera terlebih dahulu, khususnya ke Tungkal (Jambi) dan Tembilahan (Inderagiri Hilir). Setelah tinggal untuk satu waktu, mereka mengambil keputusan berhijrah ke Tanah Melayu. Oleh kerana Johor ialah negeri Melayu yang paling dekat dengan Tungkal dan Tembilahan, maka Johorlah yang menjadi tumpuan mereka apabila mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Antara mereka, ada yang terus menetap di Johor, dan ada yang berpindah lagi ke negeri Melayu yang lain. Pola migrasi jenis ini meliputi orang-orang yang terawal bermigrasi dari Banjar dan orang-orang yang bermigrasi pada awal abad ke-20. Mungkin termasuk juga dalam golongan ini orang-orang yang datang ke pulau Sumatera sebagai pedagang, walaupun maklumat mengenainya tidak begitu jelas. Ketika penulis (Mohamed Salleh Lamry, 1992) membuat kajian mengenai orang Banjar di Selangor pada tahun 1990, penulis menemui beberapa orang tua yang menyatakan bahawa mereka pernah tinggal di Kuala Tungkal sebelum berpindah ke Selangor.

Kedua, mereka bermigrasi terus ke Tanah Melayu. Pola migrasi jenis ini terutamanya melibatkan orang-orang Banjar yang bermigrasi ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Dari Kalsel mereka umumnya menaiki kapal saudagar dan mendarat di Singapura. Sebahagian daripada mereka menetap di Johor yang berhampiran dengan Singapura. Sebahagian lagi, yang mungkin lebih ramai meneruskan pelayaran dan mendarat di Pulau Pinang. Mereka bertumpu ke negeri Melayu yang lain, khususnya Perak dan Selangor. Sebab itu pada mulanya orang Banjar di Johor tidaklah begitu banyak, jika dibandingkan dengan orang Banjar di Perak dan Selangor.

Selain daripada dua pola yang tersebut, sebenarnya ada lagi dua pola dan proses migrasi yang lain, yang dilalui oleh orang-orang Banjar, walaupun mungkin tidaklah melibatkan migran yang ramai. Pertama, melibatkan orang-orang Banjar yang terus bermigrasi dan menetap di Tanah Melayu. Akan tetapi, kerana sebab-sebab yang tertentu, khususnya kerana faktor ekonomi, mereka meninggalkan Tanah Melayu. Mereka tidak pulang ke Kalsel, tetapi berpindah lagi ke pulau Sumatera, khususnya ke Kuala Tungkal dan Tembilahan. Hal ini khususnya berlaku pada zaman meleset pada tahun 1930-an. Banyak pekebun kecil getah Banjar di Johor yang terlibat dengan kemelesetan ekonomi itu berpindah dari Johor, sama ada ke negeri Melayu yang lain, khususnya Perak dan Selangor di mana mereka boleh bertanam padi, ataupun ke Kuala Tungkal dan Tembilahan.

Satu pola lagi melibatkan orang-orang Banjar yang mulanya berhijrah ke pulau Sumatera, kemudian berhijrah lagi ke Tanah Melayu. Apabila berlaku kemelesetan ekonomi tadi, atau kerana faktor-faktor lain, mereka pulang semula ke pulau Sumatera, iaitu ke Kuala Tungkal, ke Tembilahan dan mungkin juga ke Sumut, tetapi tidak pulang ke Kalsel (Mohamed Salleh Lamry 2005).

Migrasi dalaman di Tanah Melayu

Tadi kita telah lihat bahawa walaupun pada peringkat awalnya sebahagian orang Banjar bertumpu ke negeri Johor apabila mereka datang ke Tanah Melayu, tetapi nampaknya hanya sebahagian kecil sahaja yang terus menetap di negeri tersebut. Berdasarkan banci penduduk

tahun 1911, kita dapat lihat bahawa pada masa itu 81 peratus orang Banjar adalah berada di negeri Perak dan hanya 3.7 peratus yang berada di Johor. Ini bermakna kebanyakan orang Banjar yang mendarat di Johor itu telah meneruskan perjalanan mereka ke Perak dan memilih menetap di Perak, bukan di Johor.

Bagaimanapun, menjelang tahun 1921, orang Banjar di Johor bertambah dengan banyaknya, iaitu dari 782 orang pada tahun 1911 menjadi 8,365 orang pada tahun 1921. Ini menunjukkan pada tahun 1921, Johor mendapat tambahan penduduk Banjar yang ramai, sama seperti negeri Perak yang penduduk Banjarnya juga bertambah dari 17,368 pada tahun 1911 kepada 24,766 (Tunku Shamsul Baharin 1964: 152).

Menjelang tahun 1931, banyak orang Banjar dari Perak berpindah ke Selangor dan Johor, kerana kedua-dua negeri itu mengalami pembangunan ekonomi yang lebih pesat berbanding dengan negeri Perak. Dengan itu, pada tahun 1931 orang Banjar di Perak berkurangan dan tinggal 21,862 orang sahaja, sementara orang Banjar di Selangor meningkat menjadi 6,315 dan di Johor meningkat menjadi 15,492 orang.

Namun, antara tahun 1931 hingga 1947, di samping berpindah ke pulau Sumatera, banyak pula orang Banjar dari negeri Johor, khasnya dari daerah Batu Pahat, berpindah lagi ke Perak dan Selangor. Sebabnya tidak lain, kerana pada zaman meleset tahun 1930-an itu, mereka tidak boleh bergantung kepada tanaman getah. Untuk mengelakkan diri daripada kelaparan, mereka berpindah ke kawasan padi di daerah Kerian dan daerah Hilir Perak (iaitu di Sungai Manik) di Perak dan ke daerah Kuala Selangor (iaitu di Tanjung Karang), di Selangor. Ini menyebabkan pada tahun 1947 orang Banjar di Johor merosot kepada 12,049 orang sahaja, sementara di Perak meningkat kembali menjadi 34,186 orang dan di Selangor meningkat menjadi 14,322 orang.

Sementara itu, dari semasa ke semasa ada juga perpindahan orang Banjar dalam negeri yang sama. Misalnya, di Selangor pada tahun 1911, majoriti orang Banjar adalah berada di daerah Kuala Langat. Di situ mereka mengusahakan penanaman getah. Akan tetapi menjelang tahun 1921, sebahagian daripada mereka berpindah ke daerah Kuala Selangor di mana mereka boleh bertanam padi di kawasan padi Tanjung Karang. Jadi pada tahun 1921, di negeri Selangor majoriti orang Banjar berada di daerah Kuala Selangor, tidak lagi di daerah Kuala Langat.

Salah sebuah kampung di daerah Sabak Bernam, Selangor yang penduduk awalnya terdiri daripada orang Banjar ialah Kampung Tengah. Di kampung itu penduduknya mengusahakan kebun kelapa. Apabila kawasan pertanian padi di buka di Mukim Pancang Pedana di daerah Sabak Bernam pada tahun 1932, sebahagian penduduknya telah meninggalkan kampung itu untuk menyertai penanaman padi di kawasan padi yang baru dibuka itu.

Di negeri Perak pula, pada peringkat awalnya banyak orang Banjar bertumpu di Bagan Datuk dalam daerah Hilir Perak. Di situ mereka mengusahakan pertanian kelapa. Apabila kawasan pertanian padi di buka di Sungai Manik (dalam daerah Hilir Perak juga) pada tahun 1930-an, sebahagian besar daripada mereka telah berpindah ke Sungai Manik, dan hanya golongan minoriti orang Banjar yang terus tinggal di Bagan Datuk.

Berakhirnya migrasi ke Tanah Melayu

Migrasi orang Banjar ke Tanah Melayu berlaku ketika Kalsel berada di bawah penjajahan Belanda dan Tanah Melayu di bawah penjajahan Inggeris. Ketika itu nampaknya tidak ada halangan daripada pihak Belanda untuk orang Banjar meninggalkan tanah air mereka, dan pihak penjajah Inggeris pula menerima orang-orang Banjar untuk bekerja di ladang-ladang pemodal Inggeris atau membuka tanah untuk pertanian, sama ada untuk penanaman kelapa, getah dan padi.

Migrasi orang Banjar ke Tanah Melayu boleh dikatakan terhenti pada masa Perang Dunia Kedua, oleh kerana kesukaran perhubungan dan kesukaran hidup pada masa itu. Migrasi itu berkurangan dan berakhir apabila Indonesia dan Malaysia wujud sebagai dua negara merdeka yang berasingan selepas peperangan tersebut. Antara sebabnya yang utama adalah antara tahun 1948 hingga 1960 Malaysia berada dalam keadaan darurat, iaitu menghadapi pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya, dan kehidupan rakyatnya pun berada dalam keadaan susah. Ini tentu tidak menarik orang Banjar untuk datang lagi ke Malaysia.

Mulai tahun 1970-an hingga kini memang ramai sekali orang Indonesia yang datang ke Malaysia untuk bekerja di pelbagai sektor pekerjaan, sehingga mencapai jumlah 2 hingga 3 juta orang. Mereka terutamanya bekerja sebagai buruh di perkebunan, buruh binaan, dan pembantu rumah. Akan tetapi kebanyakan yang datang itu ialah orang-orang dari Jawa, Madura dan Pulau Bawean. Orang Banjar agaknya tidak tertarik dengan pekerjaan tersebut. Jika ada yang tertarik, mereka mungkin pergi ke Sarawak dan Sabah yang lebih dekat dengan Kalsel, dan hampir tidak ada yang datang ke Semenanjung Malaysia (Mohamed Salleh Lamry 2005).

PELESTARIAN CARA HIDUP BANJAR

Orang-orang Banjar generasi awal (khususnya generasi pertama dan kedua) umumnya telah membawa dan mengekalkan cara hidup Banjar apabila mereka berada di Tanah Melayu. Hal ini dapat diperhatikan dari beberapa aspek cara hidup orang-orang Banjar di daerah Sabak Bernam, Selangor sebagaimana yang dipaparkan di bawah ini (Mohamed Salleh Lamry 2005, 2010).

Tinggal di Kampung Banjar dan meneruskan kehidupan sebagai petani sara diri

Pada awal abad ke-20, iaitu antara tahun 1900 hingga 1920-an beberapa kelompok orang Banjar dari Kalsel telah datang ke Selangor dan membuka beberapa kampung di daerah Sabak Bernam. Pada mulanya mereka membuka hutan dan membuat kebun kelapa. Apabila kerajaan membuka kawasan pertanian padi di Mukim Pancang Pedana dalam daerah tersebut pada tahun 1930, sebahagian besar daripada mereka telah berpindah ke kawasan padi sebagaimana yang ada sekarang.

Ketika mereka berada di kawasan asal (kawasan kelapa) dan kemudian berada di kawasan padi, semua orang Banjar generasi awal ini tinggal di kampung mereka sendiri, iaitu

Kampung Banjar, yang terpisah dari kampung suku lain. Dengan itu, mereka lebih banyak berinteraksi sesama Banjar yang tinggal sekampung dengan mereka. Hanya pada masa-masa tertentu mereka berinteraksi dengan suku lain, seperti orang Jawa, Bugis dan Kampar di pasar atau di masjid yang terletak di luar kampung mereka.

Dalam kampung mereka sendiri, mereka meneruskan kehidupan sebagai petani sara diri. Bagi mereka yang bertanam tanaman wang seperti kelapa, orientasi pertanian mereka masih untuk sara diri, walaupun sebahagian kelapa itu untuk jualan. Bagi mereka yang bertanam padi pula, padi yang mereka hasilkan pada mulanya memang untuk penggunaan sendiri. Mereka terus bertani mengikut cara lama, bergantung kepada tenaga manusia dan alat-alat lama seperti tajak dan cangkul. Jadi kebanyakan daripada mereka hanya berpindah tempat tinggal dari Kalsel ke Malaysia, tetapi masih meneruskan kehidupan sebagai petani tradisional seperti di tempat asal mereka. Mungkin kehidupan mereka di Malaysia lebih senang sedikit, kerana mereka ada tanah sendiri yang mereka buka mengikut kemampuan masing-masing, tetapi status mereka masih tetap sebagai petani tradisional.

Berkomunikasi dalam Bahasa Banjar

Sebagai orang Banjar yang tinggal di kampung sendiri dan terpisah dari kampung suku lain, bahasa yang di gunakan oleh orang Banjar di Sabak Bernam untuk berkomunikasi dalam kehidupan sehari-hari tentu sahaja bahasa Banjar. Mereka hanya perlu menggunakan bahasa lain, khasnya bahasa Melayu, jika sekali sekala mereka berinteraksi dengan imigran Indonesia yang lain di pasar atau di masjid di kampung lain, atau dengan orang Cina di pasar atau di kedai runcit orang Cina.

Bahasa Banjar pula memang mereka ajar atau sosialisasikan kepada anak-anak mereka dalam kehidupan sehari-hari. Jadi sekurang-kurangnya sehingga generasi ketiga orang Banjar di Malaysia memang boleh berbahasa Banjar dengan fasih dan menggunakan bahasa Banjar dalam interaksi sesama mereka.

Berbanding dengan unsur kebudayaan yang lain, ketika itu bahasa Banjar jelas merupakan unsur kebudayaan yang terpenting, kerana ia merupakan salah satu ciri yang menjadi identiti orang Banjar dan yang membezakan orang Banjar daripada imigran Indonesia yang lain.

Berkahwin Sesama Banjar

Oleh kerana mereka tinggal di kampung mereka sendiri, dan kurang berinteraksi dengan suku lain, maka sebagai kesannya, dalam kalangan orang Banjar generasi awal di Sabak Bernam perkahwinan anak orang Banjar hanya berlaku dengan anak orang Banjar juga. Orang Banjar generasi pertama dan kedua khasnya memang hampir tidak ada yang berkahwin dengan suku lain.

Generasi Awal yang Buta Huruf

Orang-orang Banjar generasi pertama di Sabak Bernam pada umumnya tidak bersekolah semasa mereka di Kalsel. Oleh itu mereka kekal sebagai orang-orang yang buta huruf selepas mereka berada di Tanah Melayu.

Pada tahun-tahun permulaan mereka berada di Malaysia, orang Banjar di Sabak Bernam memang menghadapi kesukaran untuk menghantar anak mereka ke sekolah Melayu, iaitu sekolah rendah kerajaan yang ada ketika itu, yang boleh dianggap sebagai tempat “pendidikan moden”. Ini kerana sekolah itu umumnya hanya ada di kampung lama yang agak jauh dari kampung mereka. Oleh itu, kebanyakan anak migran Banjar, atau orang Banjar generasi kedua di Malaysia umumnya memang tidak bersekolah dan “buta huruf” seperti ibu bapa mereka.

Kebanyakan kampung Banjar di Sabak Bernam hanya mempunyai sekolah Melayu selepas perang dunia kedua. Ini bermakna hanya orang Banjar generasi ketiga yang dapat peluang belajar di sekolah tersebut dan tidak lagi merupakan orang-orang yang buta huruf.

Walau bagaimanapun sejak awalnya orang Banjar di Sabak Bernam kelihatan menunjukkan minat yang kuat terhadap “pendidikan tradisional”, iaitu pendidikan agama Islam. Dengan itu, sebahagian kecil daripada mereka yang berkemampuan telah menghantar anak mereka ke sekolah agama atau ke sekolah pondok yang terdapat di tempat lain, atau malah di negeri bahagian yang lain, walaupun agak jauh dari tempat tinggal mereka.

Memelihara Adat dan Upacara Keagamaan

Memang sudah dimaklumi bahawa agama Islam yang dianut oleh orang Banjar merupakan satu lagi ciri identiti mereka. Oleh itu, dalam kalangan orang Banjar generasi pertama dan kedua di Sabak Bernam memang dapat dilihat dengan jelas pegangan mereka yang kuat kepada adat dan upacara keagamaan, khasnya adat dan upacara keagamaan yang berkaitan dengan daur hidup. Oleh itu ada pelbagai upacara yang berkaitan dengan kehamilan, kelahiran, masa kanak-kanak, menjelang dewasa, perkahwinan dan kematian, seperti yang tesenarai dalam M.Suriansyah Ideham (2007) terus dipelihara dan dipertahankan oleh semua keluarga Banjar.

Di samping itu, beberapa peristiwa penting dalam sejarah Islam, seperti Israk Mikraj dan kelahiran Nabi Muhammad (Maulud Nabi) mereka sambut pada tiap-tiap tahun, di masjid atau surau kampung mereka. Antara acara sambutan itu termasuklah ceramah oleh seorang tokoh agama tempatan dan makan bersama oleh penduduk sesebuah kampung.

Memelihara Kesenian Banjar

Dengan penghijrahan mereka ke Malaysia, dipercayai banyak kesenian rakyat Banjar yang di bawa oleh orang Banjar ke Sabak Bernam. Antaranya ialah seni sastera lisan seperti Dundam dan Madihin dan seni suara seperti Baahui. Dundam yang merupakan seni bercerita, seperti

penglipur lara di kalangan orang Melayu, diadakan pada majlis-majlis tertentu, seperti perkahwinan dan berkhatan. Madihin yang merupakan rangkaian pantun dan syair dinyanyikan pada majlis perkahwinan dan majlis keramaian yang lain. Baahui pula seperti acara berbalas pantun masa kini, mereka adakan ketika mereka berkumpul mengirik padi, iaitu melepaskan padi dari tangkainya. Jadi acara Baahui memang sesuai mereka teruskan, apabila di Malaysia juga mereka hidup sebagai pesawah padi.

Selain itu, ada satu lagi kesenian Banjar yang dipercayai pernah wujud di Sabak Bernam, iaitu seni teater yang disebut Wayang Banjar. Wayang Banjar yang dimainkan di daerah ini dikatakan agak mirip dengan wayang kulit Jawa.

Masih termasuk dalam bidang kesenian, antara unsur kebudayaan Banjar yang kekal di Sabak Bernam dan tempat-tempat lain ialah seni masakan dan minuman. Di antara pelbagai kuih dan masakan itu, ada satu jenis kuih yang disebut *wadai kiping*. Wadai kiping dibuat daripada tepung pulut yang diadun dengan air panas dan sedikit garam. Ia dibulatkan sebesar duit lima sen, kemudian dimasak dengan santan dan gula merah. Di samping itu, ada juga makanan yang disebut *wadi*, iaitu ikan (biasanya ikan sepat) yang diperam dengan garam, beras goreng, asam gelugur dan gula merah. Wadi boleh disimpan lama dan biasanya dihidangkan dalam musim menuai dan musim kemarau.

PERUBAHAN SOSIAL

Setelah berlalunya waktu lebih seratus tahun, dan orang Banjar di Malaysia sekarang sekurang-kurangnya sudah sampai ke generasi kelima, maka tidak dapat dinafikan banyak perubahan telah berlaku dalam cara hidup orang Banjar di perantauan. Sebahagian daripada perubahan itu jelas merupakan kesan daripada dasar dan rancangan pembangunan kerajaan, walaupun ada juga yang merupakan kesan atau pengaruh dari persekitaran sosial dan globalisasi (Mohamed Salleh Lamry 2013).

Menjadi Petani Moden

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terutamanya antara tahun 1960-an dan 1980-an, kerajaan Malaysia telah melancarkan rancangan pembangunan desa yang sangat pesat. Antara unsur utama rancangan itu adalah penyampaian pelbagai kemudahan asas (infrastruktur) fizikal dan sosial, seperti jalan raya, balai raya atau dewan orang ramai, klinik kesihatan, sekolah, bekalan air bersih (air paip) dan api elektrik ke seluruh negara, termasuk ke kampung-kampung orang Banjar.

Pembangunan yang sangat pesat ini jelas sekali dapat diperhatikan di daerah Sabak Bernam. Dengan itu, kampung-kampung orang Banjar di daerah ini, yang dahulunya “mundur” dan terpencil telah menjadi kawasan yang “maju” dan terbuka dan mempunyai perhubungan yang mudah dengan kawasan bandar.

Dalam rangka pembangunan desa itu juga, kerajaan telah melancarkan rancangan pemodenan pertanian dengan menyampaikan pelbagai bantuan dan kemudahan. Di bawah rancangan itu para petani padi dianjurkan menanam padi dua kali setahun dengan menggunakan benih baru, racun rumput dan racun serangga. Penanaman padi tidak lagi bergantung kepada air hujan, kerana sudah ada sistem tali air dan perparitan yang disediakan oleh kerajaan. Para petani tidak lagi bergantung kepada tajak dan cangkul, kerana sejak tahun 1950-an sudah ada mesin pembajak kecil yang terkenal dengan nama *Kobuta* untuk membajak sawah. Dalam beberapa tahun terakhir, proses penanaman padi, dari menabur benih hingga menuai, semuanya dilakukan dengan menggunakan jentera. Jadi untuk menanam padi tidak perlu lagi bergotong royong dan bergantung kepada tenaga manusia. Di samping itu, ada pula Persatuan Peladang, iaitu satu organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menyalurkan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada para petani, seperti menjual baja dengan harga subsidi.

Pelaksanaan rancangan pemodenan pertanian ini dapat dilihat dengan jelas di daerah Sabak Bernam. Bersama-sama dengan kawasan padi Tanjung dalam daerah Kuala Selangor, yang sebahagian penduduknya juga terdiri daripada orang Banjar, Sabak Bernam merupakan salah satu kawasan pertanian yang terawal diperkenalkan dengan rancangan pemodenan tersebut. Dengan itu, petani padi di Sabak Bernam kini boleh dianggap sebagai petani moden.

Bagi petani yang mengusahakan tanaman getah pula, mereka digalakkan menanam semula dengan bantuan kerajaan, jika getah mereka telah tua. Hal ini terutamanya dapat dilihat dalam kalangan pekebun kecil getah Banjar di beberapa kampung di Perak, Selangor dan Johor. Begitu juga ada bantuan daripada kerajaan dalam bentuk subsidi, untuk petani yang ingin menanam kelapa sawit dan koko. Dengan itu, pekebun kelapa sawit dan koko dari suku Banjar di daerah Sabak Bernam, Selangor dan di daerah Hilir Perak, Perak, misalnya dapat melibatkan diri dengan rancangan pemodenan pertanian tersebut.

Sementara itu, mulai tahun 1956 hingga 1970-an kerajaan telah membuka rancangan pembangunan tanah untuk menempatkan semula petani miskin yang tidak bertanah di beberapa negeri bahagian. Rancangan itu diwujudkan di kawasan hutan yang baru dibuka dan dikendalikan oleh sebuah agensi kerajaan yang diberi nama Federal Land Development Authority (FELDA).

Di bawah rancangan itu setiap peserta diberi tanah yang ditanami dengan getah atau kelapa sawit, yang keluasannya antara 4 hingga 4.9 hektar dan sebuah rumah secara percuma. Akan tetapi, pekerjaan membuka hutan dan menanam tanaman itu, yang dilakukan oleh kontraktor, dikira sebagai hutang yang perlu dibayar dalam masa 15 tahun.

Oleh kerana orang Banjar generasi ketiga di daerah Sabak Bernam ramai juga yang tidak mempunyai tanah, maka sejumlah yang agak besar daripada mereka telah berhijrah ke kawasan pembangunan tanah itu, yang kebanyakannya terletak di negeri bahagian Selangor, Perak dan Pahang. Mereka mengerjakan sendiri tanah yang telah mengeluarkan hasil, yang diperuntukan kepada mereka, tetapi pemasaran hasil pertanian mereka dikendalikan oleh pihak FELDA.

Sebagai petani yang memiliki kebun getah atau kelapa sawit, pendapatan mereka memang tidak stabil, kerana dipengaruhi oleh turun naik harga di pasaran dunia. Bagaimanapun, ketika harga getah dan kelapa sawit berada di paras yang tinggi, pendapatan mereka sangat lumayan

sehingga mereka mampu membesarkan rumah, membeli kereta, dan pelbagai peralatan rumah. Ketika pendapatan mereka terlalu merosot, kerajaan akan menolong mereka dengan memberi pinjaman bagi menampung kehidupan mereka.

Kini setelah lebih 50 tahun berlalu, orang-orang Banjar dari Sabak Bernam dan tempat-tempat lain yang menyertai rancangan pembangunan tanah FELDA itu telah berubah menjadi petani moden yang hidup senang dan makmur. Setiap tahun pula kini pihak FELDA telah memberi wang bonus kepada mereka, khasnya ketika menjelang hari raya. Sebahagian daripada mereka telah bertukar pekerjaan, misalnya menjadi peniaga atau pengusaha. Sebahagian lagi, khasnya yang telah tua, boleh hidup santai dengan mengupah buruh dari Indonesia untuk mengerjakan tanah mereka.

Jadi, di bawah rancangan pemodenan pertanian yang dianjurkan oleh kerajaan, orang Banjar yang masih berada di sektor pertanian, sama ada di kampung tradisional atau di tanah rancangan FELDA sudah berubah dari petani tradisional menjadi petani moden. Mereka umumnya sudah menikmati kehidupan yang lebih baik, walaupun barangkali belum sepenuhnya mengorientasikan pertanian mereka sebagai perniagaan.

Melibatkan Diri dengan Pendidikan Moden dan Bermobiliti ke Kelas Menengah

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, pendidikan moden di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Sekolah Menengah Kebangsaan (bahasa pengantarnya bahasa Melayu) yang tidak wujud pada zaman penjajahan telah muncul dan berkembang mulai awal tahun 1960-an. Sekolah tersebut mulanya didirikan di bandar besar, kemudian ke pekan kecil, seperti pekan Sabak dan Sungai Besar di daerah Sabak Bernam. Universiti Kebangsaan yang merupakan kemuncak persekolahan aliran Melayu atau kebangsaan pula telah ditubuhkan pada tahun 1970.

Dalam hal ini orang Banjar di Sabak Bernam memahami bahawa pendidikan moden mempunyai nilai ekonomi. Maknanya anak mereka yang mendapat pendidikan moden mudah mendapat kerja yang mempunyai status yang agak tinggi (khasnya di sektor awam), dan mudah mendapat pendapatan yang agak lumayan.

Oleh itu, seperti anak kaum lain, selepas kemerdekaan pada tahun 1957, sebilangan besar anak orang Banjar di Sabak Bernam sudah menceburkan diri dalam pendidikan moden, sekurang-kurangnya hingga ke peringkat menengah. Mereka yang pandai dan terpilih melanjutkan pelajaran pula hingga ke peringkat universiti.

Selepas tahun 1970, khasnya antara tahun 1970-an hingga 1980-an, di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerajaan telah menghantar ribuan anak-anak Melayu (termasuk anak Banjar) belajar ke luar negara dengan biasiswa kerajaan. Tidak ada data tentang jumlah anak orang Banjar, tapi dipercayai jumlah anak Banjar dari Sabak Bernam dan tempat lain yang mendapat faedah dari dasar kerajaan ini adalah besar. Penghantaran anak-anak Melayu ke luar negara ini berlanjutan sampai sekarang, walaupun jumlahnya telah dikurangkan.

Dalam keadaan demikian, minat orang Banjar di Sabak Bernam dan tempat lain terhadap pendidikan tradisional boleh dikatakan telah merosot. Apatah lagi di Malaysia pendidikan tradisional dalam bentuk sekolah pondok memang telah merosot berbanding dengan masa yang lalu.

Sementara itu, dengan bantuan dan kemudahan kerajaan, memang ada usaha untuk memodenkan sekolah aliran agama Islam. Kerajaan telah mendirikan banyak juga sekolah menengah agama yang moden, yang membolehkan lepasan sekolah itu melanjutkan pelajaran di Fakulti Pengajian Islam di universiti tempatan atau di universiti di Timur Tengah, seperti Universiti Al-Azhar dan Universiti Madinah.

Hari ini hampir setiap daerah di Malaysia, termasuk daerah Sabak Bernam mempunyai sekurang-kurangnya sebuah sekolah menengah agama. Sekolah aliran agama ini juga diminati oleh anak-anak Banjar. Oleh itu, walaupun tidak ada data tentang jumlah anak Banjar yang belajar di sekolah menengah agama, tetapi di negeri-negeri yang penduduknya banyak terdiri daripada orang Banjar, seperti Perak, Selangor dan Johor, jumlah anak Banjar yang belajar di sekolah menengah agama adalah agak besar juga.

Oleh yang demikian, dengan perkembangan pendidikan moden, anak-anak Banjar di Sabak Bernam kini lebih memilih pendidikan moden, yang merupakan pendidikan arus perdana, sama ada aliran kebangsaan atau agama, dan sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Dengan penglibatan anak Banjar Sabak Bernam dengan pendidikan moden, maka sejak awal tahun 1970-an telah berlaku mobiliti sosial yang sangat pesat di kalangan anak-anak Banjar, seperti di kalangan anak-anak “suku Melayu” yang lain. Anak-anak Banjar yang belajar setakat sekolah menengah umumnya telah bermobiliti ke kelas “menengah rendah”, apabila mereka dapat bekerja di sektor awam sebagai kerani, guru, jururawat, askar dan polis pangkat rendah. Mereka yang berkelulusan universiti pula bermobiliti ke kelas “menengah tengah” apabila mereka dapat bekerja sebagai guru siswazah, doktor, peguam, arkitek, pengurus, pegawai tadbir, pensyarah universiti dan sebagainya, sama ada di sektor awam atau swasta.

Dalam hubungan ini patut disebut bahawa kini sudah banyak orang Banjar di Malaysia yang berpangkat besar, iaitu memegang jawatan tinggi dalam pelbagai bidang pekerjaan, yang boleh pula dianggap sudah bermobiliti ke ke kelas menengah atas. Misalnya, rektor sebuah universiti di Malaysia kini adalah orang Banjar. Ketua Polis Negara Malaysia juga dahulunya orang Banjar. Malah terdapat puluhan profesor kanan di pelbagai universiti di Malaysia yang terdiri daripada orang Banjar.

Sementara itu, orang Banjar di Malaysia yang menjadi pengusaha yang berjaya juga sudah ramai bilangannya. Malah ada yang boleh dianggap sebagai tokoh korporat. Mereka bergerak dalam pelbagai bidang industri, seperti perkapalan, perladangan kelapa sawit, perkhidmatan kesihatan (membuka hospital atau pusat kesihatan), makanan halal, kosmetik, dan lain-lain. Jadi mereka pun sudah bermobiliti ke kelas menengah juga.

Dengan bermobiliti ke kelas menengah, gaya hidup mereka juga tentu berbeza daripada gaya hidup datuk nenek mereka, orang Banjar generasi pertama dan kedua dahulu. Perbezaan gaya

hidup itu sekurang-kurangnya boleh dilihat dari segi pemilikan rumah dan barang-barang material dan interaksi sosial yang lebih luas.

Berhijrah ke Bandar

Di Malaysia kebanyakan sekolah menengah yang baik, termasuk yang mempunyai asrama penuh, terdapat di bandar, sama ada di ibu negara atau di ibu negeri bahagian. Hampir semua universiti juga terletak di bandar, termasuk di “bandar baru” (kawasan desa yang dibangunkan menjadi bandar secara terancang).

Oleh itu, kebanyakan anak Banjar yang pandai dan mahu belajar di sekolah menengah yang baik, termasuk dari Sabak Bernam, mesti meninggalkan kampung dan berpindah ke bandar. Mereka yang mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti pula memang tidak ada pilihan, kecuali berpindah ke bandar. Setelah tamat belajar pula, mereka biasanya terus tinggal di bandar, kerana kebanyakan peluang pekerjaan terdapat di bandar.

Dengan demikian, kebanyakan anak orang Banjar dari daerah Sabak Bernam dan tempat lain, dari generasi ketiga hingga kelima kini tinggal di bandar dan telah menjadi orang bandar, sama ada mereka bekerja di sektor awam (kerajaan), swasta ataupun bekerja sendiri sebagai pengusaha. Yang tinggal di kampung majoritinya ialah orang tua, saki-baki generasi kedua, dan sebahagian generasi ketiga, yang bekerja di sektor pertanian atau perniagaan kecil.

Orang Banjar yang berhijrah ke bandar umumnya tinggal di kawasan perumahan yang disebut “taman” (garden), iaitu sebuah komuniti baru, yang umumnya mempunyai pelbagai kemudahan: masjid (paling kurang surau), sekolah, pusat komersal (paling kurang kedai dan pasar raya), klinik dan sebagainya. “Taman perumahan” merupakan tempat tinggal utama penduduk bandar Malaysia masa kini, sama ada di bandar besar atau di bandar kecil. Di situ orang Banjar tinggal bersama, malah berjiran dengan suku Melayu yang lain dan dengan bangsa Malaysia yang lain (Cina dan India). Mereka sudah keluar dari kampung Banjar dan tinggal dalam komuniti baru yang dihuni oleh pelbagai suku dan bangsa (Mohamed Salleh Lamry 2013).

Berkahwin dengan Suku Lain

Dengan bekerja dan tinggal di bandar, orang Banjar yang berasal dari kampung-kampung di Sabak Bernam dan tempat lain, yang dahulunya banyak berinteraksi sesama Banjar saja, kini sudah terdedah kepada pergaulan yang lebih luas dengan suku dan bangsa lain. Sama ada di sekolah atau di tempat kerja, kawan mereka tidak lagi terhad kepada orang Banjar, tetapi meliputi orang-orang daripada pelbagai suku dan bangsa.

Oleh itu, apabila tiba saatnya untuk mereka memilih pasangan hidup, pilihan mereka tidak lagi terhad kepada orang Banjar. Orang Banjar generasi ketiga dan seterusnya, yang bekerja dan tinggal di bandar, memang sudah ramai yang berkahwin dengan suku lain. Perkahwinan

dengan suku lain sudah menjadi perkara biasa, dan mungkin sama banyak, kalau pun tidak lebih banyak, daripada perkahwinan sesama Banjar.

Perkahwinan dengan suku lain ini memang ada kesan negatifnya jika dilihat dari segi penggunaan dan pelestarian bahasa Banjar. Biasanya orang Banjar yang berkahwin dengan suku lain, akan menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dalam keluarga mereka. Mereka tidak mengajar bahasa Banjar atau bahasa pasangan mereka kepada anak-anak mereka. Dengan itu, anak-anak mereka tidak terdedah kepada bahasa Banjar dan akan termasuk dalam golongan yang tidak pandai bercakap Banjar.

Kemerosotan Penggunaan Bahasa Banjar

Pemerhatian saya di daerah Sabak Bernam dan pengalaman saya menunjukkan bahawa anak-anak orang Banjar yang kedua-dua ibu bapanya orang Banjar dan menggunakan bahasa Banjar dalam kehidupan sehari-hari, umumnya boleh bercakap Banjar pada zaman kanak-kanak dan remaja mereka, kerana terdedah kepada bahasa Banjar sejak mereka kecil.

Akan tetapi, apabila mereka bersekolah di bandar dari peringkat menengah hingga ke peringkat universiti dan bekerja di bandar selama berpuluh tahun, bahasa Banjar tidak lagi mereka gunakan, kecuali jika mereka balik ke kampung. Dalam berkomunikasi dengan kawan, guru dan rakan sekerja mereka, bahasa yang mereka gunakan ialah bahasa Melayu, dan ada kalanya bahasa Inggeris. Dengan itu, kemahiran mereka menggunakan bahasa Banjar mula merosot.

Kini ramai orang Banjar dari golongan muda, khususnya generasi keempat dan kelima yang tidak boleh bercakap bahasa Banjar dengan fasih. Malah ada juga yang sudah tidak boleh bercakap Banjar, walaupun mungkin masih merupakan golongan kecil. Mereka yang pernah belajar di luar negeri pula mungkin boleh bercakap Inggeris, Arab, Jepun atau Perancis, tetapi tidak fasih lagi bercakap Banjar, atau lebih malang, ada yang tidak boleh lagi bercakap Banjar.

Jika dicampurkan dengan anak-anak hasil perkahwinan campur, yang di rumah, di sekolah dan di tempat kerja hanya bercakap Melayu dan sejak kecil tidak pernah diajar bahasa Banjar, maka kini semakin ramailah orang-orang keturunan Banjar yang tidak boleh lagi bercakap Banjar dengan fasih.

Meninggalkan Adat, tetapi Meningkatkan Amalan Agama

Orang-orang Banjar yang kini telah bermobiliti ke kelas menengah dan tinggal di kota seperti Kuala Lumpur khususnya, mungkin telah meninggalkan beberapa upacara yang berkaitan dengan daur ulang. Misalnya beberapa upacara mandi bagi perempuan yang hamil dan memberi nama bagi anak yang lahir mungkin sudah ditinggalkan. Bagaimanapun, beberapa upacara yang lebih berkaitan dengan agama, seperti upacara akikah anak, berkorban lembu atau kambing pada masa hari raya haji semakin banyak yang melakukannya. Begitu juga kenduri tahlil bagi ibu bapa

yang diadakan di kampung asal mereka. Ini terutamanya berkaitan dengan kemampuan mereka dari segi kewangan. Sambutan israk mikraj dan sambutan maulud di surau dan masjid juga terus bersemarak, kerana banyak yang mampu memberi derma dan sumbangan dari segi kewangan.

Pada masa yang sama semakin ramai pula orang Banjar kelas menengah di kota yang berulang-ulang mengerjakan ibadah umrah dan haji, dan bersembahyang secara berjemaah di surau dan masjid. Jadi kesedaran beragama dalam kalangan orang Banjar di kota jelas semakin meningkat, walaupun mereka telah berpindah ke kota dan menjadi orang kota (Mohamed Salleh 2013).

Berkunjung ke Kalsel

Jika orang Banjar generasi pertama dan kedua, kebanyakannya tidak pernah pulang ke Kalsel, antara lain kerana masalah kewangan, generasi ketiga dan keempat yang telah bermobiliti ke kelas menengah ramai yang telah berkunjung ke Kalsel selewat-lewatnya mulai awal tahun 2,000-an. Ini tentunya berkaitan dengan kemampuan mereka dari segi kewangan. Orang-orang Banjar dari Sabak Bernam memang sudah ramai yang berkunjung ke Kalsel dalam tempoh 20 tahun belakangan ini. Pada masa yang sama, sebuah organisasi orang Banjar di Malaysia, iaitu Pertubuhan Banjar Malaysia (PBM), sudah beberapa kali membawa rombongan ke Kalsel, antaranya ketika diadakan Aruh Ganal pada tahun 2000 dan Kongres Budaya Banjar Ke-2 di Banjarmasin pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, di samping menghadiri acara-acara tertentu, tujuan utama orang Banjar Malaysia berkunjung ke Kalsel adalah untuk menemui keluarga dan melancong sahaja. Setakat ini belum ada usaha untuk mengadakan kerjasama dalam bidang perniagaan atau bidang lain antara mereka dengan orang Banjar di Kalsel.

KESIMPULAN

Orang Banjar dari Kalsel telah bermigrasi ke Malaysia dalam jumlah yang besar, terutamanya selepas Inggeris campurtangan dalam pemerintahan Malaya atau Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Mereka melakukan migrasi itu terutamanya kerana pelbagai tekanan yang mereka hadapi di Kalsel, dan kerana tertarik dengan peluang ekonomi yang terbuka luas di Tanah Melayu. Mereka memilih menetap di Tanah Melayu dan tidak kembali lagi ke Kalsel. Di Tanah Melayu mereka membuka kampung Banjar, meneruskan kehidupan sebagai petani sara diri dan melestarikan cara hidup Banjar yang mereka bawa dari Kalsel.

Namun, keturunan mereka atau cucu cicit mereka yang sekarang telah menjadi “bangsa Melayu” dan warganegara Malaysia, sudah mengalami pelbagai perubahan, sama ada dari segi pendidikan, pekerjaan, status sosial, gaya hidup dan cara hidup pada umumnya. Ada beberapa beberapa unsur cara hidup Banjar atau budaya Banjar yang sudah mereka tinggalkan atau tidak amalkan lagi. Antara yang paling ketara ialah kemerosotan dalam penggunaan bahasa Banjar.

Dengan berlakunya pelbagai perubahan itu identiti orang Banjar di Malaysia juga telah mengalami perubahan. Mereka yang masih tinggal di kampung dan mereka yang telah berpindah ke kawasan pembangunan tanah (FELDA) telah berubah daripada petani tradisional yang miskin menjadi petani moden yang hidup makmur. Mereka yang berpindah ke bandar telah menjadi pegawai kerajaan dan syarikat swasta, dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Di samping itu, ada juga yang menjadi pengusaha sederhana dan besar. Dengan itu, mereka semua telah bermobiliti ke kelas menengah, dan sudah ramai yang mampu berkunjung ke Kalsel. Ada di antara mereka yang tidak boleh lagi bercakap Banjar, walaupun mereka mungkin pandai berbahasa Inggeris atau bahasa lain.

Dengan berlakunya pelbagai perubahan sebagaimana yang dinyatakan di atas, khususnya dari segi pendidikan, pekerjaan, status sosial dan gaya hidup itu, jelaslah ciri-ciri orang Banjar di Malaysia kini telah banyak berubah. Oleh yang demikian, kita mungkin boleh mengatakan bahawa orang Banjar di Malaysia kini secara amnya sudah mengalami perubahan identiti, iaitu berubah dari Banjar Lama menjadi Banjar Baru, walaupun perubahan itu belumlah menyeluruh.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, sebahagian besar daripada perubahan sosial ini terutamanya berlaku sebagai kesan daripada dasar dan rancangan pembangunan kerajaan. Namun, ada juga perubahan yang berlaku kerana pengaruh keadaan persekitaran atau lingkungan sosial di mana mereka berada, di samping pengaruh globalisasi.

RUJUKAN

- Cek Mat. 1981/82. Sejarah Kedatangan Orang-Orang Banjar: Satu Kajian Kes di Daerah Sabak Bernam, Selangor. Tesis B.A. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fuziah Mohd.Ali. 1979. Sejarah Penghijrahan, Penempatan dan Kegiatan Orang Banjar di Krian 1870-an – 1960-an. Tesis B.A. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Basri. 1974/75. Sejarah Suku Banjar di Semenanjung Tanah Melayu: Satu Tinjauan Umum: Mini Tesis B.A, Universiti Malaya.
- Hasan Basri. 1988. Perpindahan Orang Banjar ke Surakarta: Kasus Migrasi Inter-Etnis di Indonesia. *Prisma*. No.3.
- M.Suriansyah Ideham, et.al. 2007. *Urang Banjar dan Kebudayaanannya*. Banjarmasin: Balitbangda Provinsi Kalimantan Selatan.
- Mochtar Naim. 1984. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohamad Reduan Aslie.1977. Masyarakat Suku Banjar di Malaysia. *Mastika*. Julai.
- Mohamed Salleh Lamry. 1992. Orang Banjar di Selangor: Penghijrahan dan Pola Kehidupan di Rantau. Laporan Penyelidikan yang Dikemukakan kepada Centre National de la Recherche Scientifique, Paris.
- Mohamed Salleh Lamry. 2005. Dari Kalimantan Selatan ke Semenanjung Malaysia: Migrasi Orang Banjar pada Dua Zaman. Dalam Abdul Halim Ali (pnyt.) *Borneo-Kalimantan 2005: Transformasi Sosial Masyarakat Pesisir*

- Borneo-Kalimantan*. Kuching: Institut Pengajian Asia Timur.
- Mohamed Salleh Lamry. 2010. Sejarah Orang Banjar dan Pola Pemertahanan Kebudayaan Banjar di Perantauan, Khususnya di Malaysia. Kertas Kerja untuk *Kongres Budaya Banjar Ke-2*, Banjarmasin, 4-7 April.
- Mohamed Salleh Lamry. 2013. Perubahan Sosial dan Identiti Masyarakat Banjar di Malaysia: Sebuah Tinjau Umum. *Seri Alam*. Bil. 10.
- Mohamed Salleh Lamry. 2013. Perubahan Kebudayaan di Kalangan Orang Banjar Kota di Malaysia. Dalam Taufik Arabain dan Rasta Albanjari (ed.) *Merawat Adat*. Banjarmasin: UPT Taman Budaya Kalsel dan Pustaka Banua,
- Musa Mantrak. 1977. Masyarakat Banjar di Semenanjung. *Dian*. Jilid 17.
- Sulaiman Masri. 1967. Masyarakat Mendatang: Masyarakat Banjar di Sungai Leman. Tesis B.A. Universiti Malaya.
- Tajuddinnoor Ganie. 2004. Konstruksi Identitas Etnis Banjar di Kalimantan Selatan (bahagian 3)
www.radarbanjar.com/berita/index.asp?Berita=Opini&id=47177
(Dirujuk pada 21 Mei 2005)
- Tunku Shamsul Bahrin. 1964. The Indonesia in Malaya. Tesis M.A. University of Sheffield.
- Zulfa Jamalie (2010). Tranformasi Budaya Madam (Beberapa Catatan Pinggir)

